

Tafsir Surah al-Baqarah Ayat 261-265: Kajian Penafsiran al-Qurtubi Tentang Etika Berinfaq

Nor Asmira Mat Jusoh^{1,a}, Noraini Junoh^{2,a}

^{1,2}Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS),
UiTM Kelantan Kampus Machang

^anorasmira@kelantan.uitm.edu.my, ^bjannahadnin@yahoo.com

Kata kunci: al-Baqarah, Infaq, Imam al-Qurtubi

Abstrak. Al-Quran berkali-kali menggalakkan kita melakukan infaq kerana ia adalah wasilah bagi menghimpunkan kekayaan dan menjamin kesenangan hidup untuk semua. Ia satu-satunya cara untuk memelihara kekuatan dan kemuliaan ummat disamping mengalahkan musuh. Jika ummat bakhil pasti dicengkam kehinaan dan kemelesetan. Infaq yang dilaksanakan berdasarkan tafsiran yang betul memungkinkan kita menyelesaikan permasalahan masyarakat disamping mempamerkan keindahan Islam yang sebenar. Allah SWT memberikan ganjaran sesiapa yang berinfaq di jalan-Nya dengan tiga perkara iaitu jaminan syurga, menghilangkan rasa takut selepas mati dan menghilangkan rasa sedih atau kemurungan atas apa yang berlaku termasuklah musibah. Kertas kerja ini bertujuan untuk membincangkan kriteria atau etika berinfaq mengikut perbincangan ulama tafsir terkenal di akhir-akhir kurun ke-enam Hijrah iaitu Abu Abdullah Muhammad bin Ahmad bin Abi Bakr bin Fahr al-Ansori al-Khazraji al-Andalusi al-Qurtubi di dalam kitabnya al-Jami' Li Ahkam al-Quran Wa al-Mubayyin Li Ma Tadammanuhuwa Aiy al-Furqan untuk mencapai ganjaran yang telah disebutkan. Pengkajian ini lebih munjuruskan kepada perbincangan ayat-ayat al-Quran yang berkaitan infaq di dalam surah al-Baqarah dengan mengfokuskan ayat 261-265.

Pendahuluan

Walaupun zaman terus beredar dengan kemajuan global, al-Quran dan karya tafsir dilihat tetap realistik bagi memberi kefahaman kepada umat Islam dalam pelbagai aspek kehidupan. Al-Quran bukan sahaja membicarakan hubungan manusia dengan Allah SWT (aqidah) malah juga menjaga hubungan sesama manusia (munakahat, jinayah dan muamalat). Ekonomi adalah salah satu aspek penting dalam Islam yang merupakan lapangan pengembangan rezeki manusia. Aspek ekonomi meliputi banyak perkara seperti infaq, zakat, pusaka, wakaf dan lain-lain. Diantara amalan terpuji lagi mulia anjuran Islam terhadap pemilik harta adalah menginfakkan harta tersebut untuk kebaikan, iaitu infaq di jalan Allah SWT. Amalan bersedekah jariah ini amat digalakkan kerana manfaat dan pahalanya adalah berpanjangan. Tulisan ini berusaha memaparkan penafsiran mufassir terkenal iaitu Imam al-Qurtubi terhadap satu tema dalam al-Qur'an tentang infaq, etika dan balasannya dalam surah al-Baqarah dengan mengfokuskan ayat 261-265.

Definisi Infaq

Infaq dalam bahasa arab bermaksud 'belanja' manakala secara konseptualnya ia bermaksud memberi untuk kebaikan masyarakat termasuk kepada si pemberi infaq dan keluarganya (Kahf, 2008). Banyak ayat al-Quran yang menyentuh mengenai budaya infaq ini yang mana ia mempunyai kaitan yang sangat erat dengan takwa. Di antara penjelasannya dapat kita lihat pada ayat-ayat awal surah al-Baqarah, di mana dinyatakan bahawa ciri-ciri orang yang bertakwa itu ialah beriman kepada perkara-perkara yang ghaib, mendirikan solat, menginfakkan sebahagian rezeki, mengimani seluruh kitab-kitab Allah SWT dan meyakini bahawa adanya hari akhirat.

Infaq berasal daripada perkataan Nafaqa (Nun, Fa', dan Qaf), yang bererti keluar. Dari perkataan inilah muncul istilah Nifaq-Munafiq, yang mempunyai erti orang yang keluar dari ajaran Islam.

Infaq secara istilah adalah : Mengeluarkan sebagian harta untuk sesuatu kepentingan yang diperintahkan oleh Allah SWT seperti : menginfakkan harta untuk memenuhi keperluan keluarga.

Perkataan infaq di dalam al-Quran disebut sebanyak 73 kali (Santosa:2010). Perkataan ini digunakan oleh Al Qur'an dan Hadits untuk beberapa makna, diantaranya :

Pertama : Untuk menunjukkan harta yang wajib dikeluarkan, yaitu zakat. Infak dalam pengertian ini bererti zakat.

Kedua : Untuk menunjukkan harta yang wajib dikeluarkan selain zakat, seperti kewajiban seorang suami memberikan nafkah untuk isteri dan anak-anaknya. Kata infaq disini berubah menjadi nafkah atau nafaqah.

Ketiga : Untuk menunjukkan harta yang dianjurkan untuk dikeluarkan, tetapi tidak sampai darjat wajib, seperti memberi

wang untuk fakir miskin, menyumbang untuk pembangunan masjid atau menolong orang yang terkena musibah. Mengeluarkan harta untuk keperluan-keperluan di atas disebut juga dengan infaq.

Biodata Imam al-Qurtubi dan Tafsir Beliau

Nama beliau adalah Abu Abdullah Muhammad bin Ahmad bin Abi Bakr bin Fahr Al-Ansori Al-Khazraji Al-Andalusi Al-Qurtubi. Beliau adalah seorang ulama yang bermazhab Maliki, sebahagian ulama menyatakan beliau lahir di akhir-akhir kurun ke-6 hijrah. Beliau membesar di Cordova, Andalus, kemudian beliau pergi ke Mesir untuk menuntut ilmu dan menetap di sana. Beliau seorang ulama yang hebat dan zuhud, waktu-waktunya dipenuhi dengan beribadah kepada Allah SWT dan menulis kitab. Antara kitab-kitab yang beliau tulis adalah : Kitab At-Tazkirah Bi Umur Al-Akhirah (Peringatan Tentang Perkara-perkara Akhirat), Syarah Asma’ul Husna, dan kitab tafsir beliau yang sangat terkenal dan menjadi rujukan ulama’. Beliau meninggal di Minya Bani Khasib, As-So’id, Mesir dan dikuburkan di sana pada bulan Syawal tahun 671 hijrah.

Tafsir beliau iaitu Al-Jami’ Li Ahkam Al-Quran Wa Al-Mubayyin Li Ma Tadhammanahu Min As-Sunnah Wa Aiy Al-Furqan (الجامع لأحكام القرآن والمبين لما تضمنه من السنة وآي الفرقان), itulah nama yang diberi oleh Imam Al-Qurtubi bagi kitab tafsirnya yang agung ini. Kitab ini adalah rujukan bagi segala rujukan dalam bidang tafsir Al-Quran, tiada seorang pun dari ulama tafsir yang datang selepas beliau melainkan mereka akan merujuk dan mengambil manfaat dari tafsir ini. Dalam membincangkan masalah fiqh, beliau akan menyebut pendapat-pendapat ulama’ serta perbincangan mereka dalam masalah tersebut, kemudian beliau akan membandingkan antara semua pendapat tersebut, dan menilai manakah pendapat yang paling ‘rajih’. Dan penilaian beliau tidak terkesan langsung dengan sifat taksub pada mana-mana mazhab, terutamanya mazhab Maliki. Tafsir Al-Qurtubi ini mempunyai keistimewaan yang jarang ada pada kitab-kitab tafsir lain, seperti mana beliau tegas dalam menaqalkan sebarang kata-kata atau hadis, begitu juga beliau tegas dalam memasukkan sesuatu yang tidak ada sandarannya dalam agama Islam. Tafsir Al-Qurtubi adalah salah satu kitab tafsir yang jarang mempunyai kisah-kisah israiliyyat.

Di dalam muqaddimah kitab tafsirnya ini, Imam Al-Qurtubi ada menyatakan perkara yang menyebabkan beliau ingin menulis tafsir ini. Berkata Imam Al-Qurtubi : “Dan aku menulisnya sebagai peringatan buat diriku, dan sebagai bekalan untuk alam kuburku, dan sebagai amal soleh selepas kematianku..”

Etika infaq

Sebelum penulis menerangkan secara lebih lanjut berkenaan etika berinfaq menurut perbincangan dalam tafsir Imam al-Qurtubi, penting untuk memahami terlebih dahulu firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah (2):261-265. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Perumpamaan (nafkah yang dikeluarkan oleh) orang-orang yang menafkahkan hartanya di jalan Allah adalah serupa dengan sebiji benih yang menumbuhkan tujuh tangkai, pada setiap tangkai seratus biji. Allah melipatgandakan (pahala) bagi siapa yang Dia kehendaki. Dan Allah Mahaluas (kurnia-Nya) lagi Maha mengetahui. (261). Orang-orang yang menafkahkan hartanya di jalan Allah, kemudian mereka tidak mengiringi apa yang dinafkakkannya itu dengan menyebut-nyebut pemberiannya dan dengan tidak menyakiti (perasaan si penerima), mereka memperoleh pahala di sisi Rabb mereka. Tidak ada kekhawatiran terhadap mereka dan tidak (pula) mereka bersedih hati (262). Perkataan yang baik dan pemberian maaf lebih baik dari sedekah yang diiringi dengan sesuatu yang menyakitkan (perasaan si penerima). Allah Maha Kaya lagi Maha Penyantun (263). Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu menghilangkan (pahala) sedekahmu dengan menyebut-nyebutnya dan menyakiti (perasaan si penerima), seperti orang yang menafkahkan hartanya karena riya kepada manusia dan dia tidak beriman kepada Allah dan hari kemudian. Maka perumpamaan orang itu seperti batu licin yang di atasnya ada tanah, kemudian batu itu ditimpa hujan lebat, lalu menjadilah dia bersih (tidak bertanah). Mereka tidak menguasai sesuatupun dari apa yang mereka usahakan; dan Allah tidak memberi petunjuk kepada orang-orang yang kafir. (264) Dan perumpamaan orang-orang yang membelanjakan hartanya karena mencari keredhaan Allah dan untuk keteguhan jiwa mereka, seperti sebuah kebun yang terletak di dataran tinggi yang disiram oleh hujan lebat, maka kebun itu menghasilkan buahnya dua kali ganda. Jika hujan lebat tidak menyiraminya, maka hujan gerimis (pun memadai). Dan Allah Maha Melihat apa yang kamu perbuat. (265)”

Sebab turunnya ayat di atas. Ayat di atas turun berkenaan dengan datangnya Uthman bin ‘Affan dan Abdul Rahman bin ‘Auf kepada Rasulullah dengan membawa dirham untuk dinafkakkannya kepada pejuang yang terlibat dalam perang Tabuk. Abdul Rahman bin ‘Auf membawa 4000 dirham dan berkata kepada Rasulullah: “Aku memiliki 8000 dirham lalu seperduanya ini aku persembahkan kepada Allah”. Maka rasulullah bersabda: “semoga Allah memberkati engkau atas apa yang engkau simpan dan apa yang engkau belanjakan”. Sedangkan Uthman bin Affan sendiri membawa 1000

unta untuk diinfaqkan. Sikap kedermawanan kedua sahabat tersebut disambut baik oleh Rasulullah, lalu turunlah ayat (al-Qurtubi:2006, ms:318)

Etika berinfaq pada pandangan Imam al-Qurtubi berdasarkan ayat di atas. Islam menitikberatkan kaedah-kaedah infaq atau seni dalam perbelanjaan. Maka, pelbagai kaedah yang berbentuk wajib digariskan di dalam Shariat Islam seperti nafkah tanggungan, kaffarah, dam, nazar, dan lain-lain, atau sunat seperti sedekah, hadiah, waqaf, hibah, dan lain-lain. Ia juga meletakkan garis panduan bagi mengelakkan perbelanjaan atau infaq yang haram (Abdullaah Jalil & Muhamad Muda, 2008). Berdasarkan ayat di atas, dapat dirumuskan beberapa etika berinfaq mengikut pandangan Imam al-Qurtubi, antaranya:

1. **Beriman kepada Allah SWT**
Iman merupakan syarat utama diterimanya amal perbuatan seseorang. Salah satu buktinya adalah menyedekahkan ataupun menginfaqkan harta yang dimilikinya. Menurut al-Qurtubi semua perbuatan orang-orang kafir seperti berbuat baik, silaturrahim, menolong orang-orang yang teraniaya tidak akan memperoleh pahala sedikit pun di sisi Allah SWT. Tegasnya perbuatan mereka tidak akan bermanfaat dan sia-sia.
2. **Ikhlas**
Menurut Imam Qurthubi surah Al-Baqarah ayat 261 ini menerangkan keutamaan berinfaq di jalan Allah SWT dan anjuran untuk berinfaq. Sesiapa yang berinfaq kerana mengharapkan redha Allah SWT, maka Allah SWT akan memberi ganjaran berlipat kali ganda sehingga 700 kebaikan. Perumpamaan orang yang berinfaq di jalan Allah SWT seperti petani yang menanam benih lalu benih itu tumbuh tujuh tangkai dan pada tiap tangkai itu terdapat seratus biji. Perumpamaan orang yang bersedekah itu seperti petani. Jika ia pandai dalam pekerjaannya, maka hasil tuainnya akan bagus, tanahnya subur dan tanamannya akan berbuah lebih banyak. Begitu juga dengan orang yang bersedekah, jika ia orang soleh, harta yang disedekahkan adalah harta yang baik, disedekahkan pada tempat yang semestinya dengan niat yang ikhlas, maka ia akan memperoleh pahala yang lebih banyak.
3. **Tidak mengungkit pemberian dan tidak menyakiti perasaan penerima**
Menurut Imam al-Qurtubi ayat ini (262) menerangkan bahawa pahala berinfaq akan diperolehi jika infaq yang dilakukan tidak diikuti dengan ungkitan dan cercaan. Allah SWT mengumpamakan orang yang mengungkit-ungkit pemberian atau menyakiti perasaan penerima bagaikan batu licin dengan tanah di atasnya. Lazimnya orang menduga tanah itu subur dan menumbuhkan. Tetapi bila hujan turun tanah itupun hilang dan tidak meninggalkan sisa. Maka perumpamaan orang yang sering mengungkit-ungkit pemberian dan menyakiti perasaan penerima, kelak niat asalnya akan terungkap diakhirat sehingga sedekah yang dilakukan olehnya menjadi sia-sia seperti halnya hujan yang menghilangkan debu, yang nampak hanyalah batu besar yang licin dan kasar.
4. **Kata-kata yang baik juga sebahagian daripada sedeqah**
Janganlah kita membatalkan pahala atas perbuatan atau amal kita dengan perkataan yang tidak patut dan menyakitkan. Kata-kata yang baik seperti doa, lunak dalam bercakap dan lain-lain adalah lebih baik dari sedekah yang pada zahirnya sedeqah tetapi pada batinnya tidak mempunyai apa-apa. Ini kerana perkataan yang baik akan mendapat pahala di sisi Allah SWT.
5. **Tidak riak**
Menurut Imam al-Qurtubi Allah SWT memberi perumpamaa orang yang bersedekah dengan mengungkit-ungkit dan menyakiti penerima adalah seperti orang yang berinfaq dengan riak untuk mendapat perhatian ataupun puji-pujian dari manusia dan bukannya mengharapkan keredhaan Allah SWT. Seperti orang kafir yang bersedekah yang mana sedekahnya adalah sia-sia. Mereka yang bersedekah dengan riak juga seperti batu yang di atasnya debu, bila ditimpa hujan maka hilanglah debu tersebut yang tinggal hanya batu yang licin. Begitu juga halnya mereka yang bersedekah dengan riak tidak akan mendapat apa-apa ganjaran dari Allah SWT.

Penutup

Keseluruhan kandungan surah Al Baqarah ayat 261-265 adalah menjelaskan tentang keutamaan bersedekah dan apa yang dapat menghilangkan pahalanya. Ayat 261 menjelaskan tentang perumpamaan atas orang yang menafkahkan hartanya di jalan Allah (infak/sedekah) dengan ikhlas adalah seperti sebiji benih yang menumbuhkan tujuh tangkai, pada setiap tangkai pula mempunyai seratus biji. Allah terus-menerus melipat gandakan pahala bagi siapa yang Dia kehendaki. Dalam ayat 262 dilanjutkan tentang penjelasan Allah bahwa mereka yang bersedekah dengan tidak menyebut-nyebut kembali apa yang diberikannya dan tidak menyakiti hati si penerima, maka pahala bersedekah akan mereka peroleh. Manakala ayat 263 pula menjelaskan jika tidak mampu untuk bersedekah, maka perkataan yang baik dan pemberian maaf kepada si penerima adalah lebih baik daripada sedekah diiringi sesuatu yang menyakitkan hati si penerima. Kemudian di ayat 264 Allah menegaskan bahwa dengan menyebut-nyebut apa yang telah disedekahkan dan menyakiti hati si penerima bererti sia-sialah sedekah yang dikeluarkannya itu. Pahala keberkatan atas sedekahnya itu hilang sama sekali bagaikan

tanah di atas batu licin yang kemudian ditimpa hujan lebat, tiada bekas yang tersisa sama sekali.

Rujukan

Abdullah Jalil & Muhamad Muda (2008), *Pengurusan Dana sedekah Secara Sistemik:Analisa Peranan Institusi Kerajaan dan Swasta*, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia, JAWHAR .

Abu Abdullah, Muhammad bin Ahmad bin Abi Bakr Al-Qurtubi (2006) , *Al-Jami' Li Ahkam Al-Quran Wa Al-Mubayyin Li Ma Tadhammanahu Min As-Sunnah Wa Aiy Al-Furqan*, al-Resalah publisher, Lubnan

Dr. Abdullah Laam Bin Ibrahim (2015) , *fkih Kekayaan*, Dar al-Nafais, Jakarta

Ippho Santosa, (2010) *7 Keajaiban Rezeki* , Media Komputinda, Jakarta

Monzer Kahf (2008), *Infaq in the Islamic Economic System*

Norhanizah Johari, *amalan Infaq dalam kalangan kakitangan kolej university islam antarabangsa selangor: tabung infaq, satu analisisawal*. Proceeding of the 1st International Conference on Management and Muamalah 2014 (1st ICoMM)13th– 14th November 2014

Rujukan website

<https://www.ahmadzain.com>

muis.org.my/2017/07/pengenalan-kitb-tafsir-al-qurtubi